



Latihan Pengukuhan

Bahagian A: Soalan Objektif

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan.

- 1 Antara berikut, yang manakah negara yang tidak melalui evolusi binaan terhadap reka bentuk seni bina di Tanah Melayu?

A China
B Korea
C Eropah
D Tanah Melayu

- 2 Apakah motif yang paling ketara terdapat di dalam seni ukiran hiasan pada seni bina rumah Melayu tradisional?

KBAT Mengingat

A Organik
B Motif flora
C Motif fauna
D Geometrikal

- 3 Antara berikut, yang manakah rumah Melayu tradisional yang mempunyai serambi terbuka dan langka batu yang dihiasi jubin bermotifkan flora pada bahagian hadapan rumah tersebut?

A Rumah Bujang
B Rumah Berpeleh
C Rumah Serambi Melaka
D Rumah Panjang Sarawak

- 4 Apakah bentuk simbolik yang terdapat pada pemehat?

KBAT Menilai

A Ular yang terdapat pada perahu nelayan tempatan
B Kucing yang terdapat pada perahu nelayan tempatan
C Bangau yang terdapat pada perahu nelayan tempatan
D Monyet yang terdapat pada perahun nelayan tempatan

- 5 Masjid paling moden di Asia Tenggara dan menjadi pencetus kepada satu standard dalam sejarah awal modenisme seni bina Malaysia

Pernyataan di atas merujuk kepada seni bina ibadat _____

A Masjid Kampung Laut, Kelantan
B Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar
C Masjid Negara, Kuala Lumpur
D Masjid Tengker, Melaka

- 6 Dari manakah datangnya pengaruh reka bentuk seni bina Masjid Ubudiah?

A Islam-India
B Islam-China
C Islam-Belanda
D Islam-Portugal

- 7 Tokong Sam Poh Tong merupakan tokong gua tertua di negeri Perak.

Pilih pernyataan yang betul berkaitan dengan ciri-ciri tokong tersebut.

KBAT Mengingat

I Dibina di Kampong Jambu, Kelantan
II Mempunyai patung Buddha yang terbesar di dunia
III Mempunyai kolam berkonsepkan Jepun di laman hadapan
IV Di dalam gua terdapat arca-arca Buddha yang terletak di antara bongkah stalaktit dan stalagmit

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 8 Apakah elemen penting yang terdapat pada tokong dalam gambar rajah di bawah?



A Roda Dharmacakra
B Dewan langar
C Cable roof
D Gopuram

- 9 Antara berikut, yang manakah seni reka bentuk yang terdapat di Kuil Sri Mahamariamman?

A Mempunyai menara dan kubah
B Kuil yang berbentuk segi empat sama
C Mempunyai menara pintu gerbang *gopuram*
D Siling di dewan utama dihiasi corak petak berwarna-warni

- 10 Apakah kemudahan-kemudahan yang terdapat di sebuah Gurdwara?

KBAT Mengingat

I Pelantar
II Kolam penyu
III Perpustakaan
IV Dewan 'langar'
A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 11 Apakah corak ukiran istana yang tidak ditonjolkan bagi gambar rajah di bawah?

KBAT Menilai



A Ukiran corak berulang-ulang
B Ukiran tradisional Melayu

- C. Ukiran tulisan Khat
- D. Ukiran motif fauna

12. Antara berikut, yang manakah istana yang menyerupai reka bentuk Minangkabau dan dibina daripada bahan kayu dengan teknik paku pasak?

- A. Istana Negara, Kuala Lumpur
- B. Istana Maziah, Kuala Terengganu
- C. Istana Seri Menanti, Negeri Sembilan
- D. Istana Bukit Serene, Johor Bahru

13. Istana Iskandariah terletak di negeri Perak. Berikut merupakan pernyataan yang betul kecuali

A. Menyerupai motif seni bina India-Islam dengan gabungan motif seni bina Asia Barat

B. Gerbang pintu masuk dilalai dengan seni catan

C. Mempunyai motif berbentuk flora dan fauna

D. Kubah berbentuk payung

14. Antara berikut, yang manakah reka bentuk makam binaan berbentuk L?

- A. Makam Diraja Mahmoodiah
- B. Makam Diraja Langgar
- C. Makam Diraja Jugra
- D. Tiada di atas

15.

- Bahagian utama mempunyai seni bina seperti sebuah masjid.
- Bahagian kedua mempunyai kawasan lingkaran tembok putih yang dikenali sebagai Kota Lama atau Lingkaran dalam.

Pernyataan di atas merujuk kepada seni bina _____

- A. Makam Diraja Mahmoodiah
- B. Makam Diraja Langgar
- C. Makam Diraja Jugra
- D. Istana Iskandariah